



PROSES PERMOHONAN TAPAK NIAGA BAZAR RAMADAN 2020

TARIKH	TINDAKAN	CATATAN
<p>JANUARI</p> <p>15/1 hingga 31/1</p>	<p>Permohonan mula dibuka. Pemohon hadir ke Jabatan Pelesenan, MDSB untuk membeli borang permohonan.</p> <p>Nombor daftar giliran akan diberikan kepada pemohon setelah borang permohonan yang telah lengkap diserahkan dan didaftarkan oleh petugas kaunter.</p>	<p>Borang dijual pada harga RM2.00 sekeping. Borang permohonan adalah terhad mengikut bilangan petak niaga yang ditawarkan. Cagaran pematuhan syarat RM100.00 bagi seunit petak dikenakan.</p> <p>Nombor giliran ditentukan melalui cabutan oleh pemohon daripada kotak khas yang disediakan di kaunter, Jabatan Pelesenan.</p>
<p>FEBRUARI</p> <p>Isnin 10/2</p> <p>Selasa 11/2</p> <p>Rabu 12/2</p> <p>Khamis 13/2</p> <p>Jumaat 14/2</p>	<p>Pemohon perlu hadir bersama nombor daftar giliran ke kaunter Jabatan Pelesenan mengikut tarikh yang telah ditetapkan bagi penentuan nombor tapak niaga.</p> <p>Nombor Giliran : 1 – 30</p> <p>Nombor Giliran : 31 – 60</p> <p>Nombor Giliran : 61 – 90</p> <p>Nombor Giliran : 91 – 120</p> <p>Nombor Giliran : > 120</p>	<p>Nombor tapak niaga akan diberi oleh petugas kaunter kepada pemohon setelah bayaran fi permit dijelaskan:</p> <p>Untuk Bazar Sungai Besar, fi sepetak adalah RM100.00 atau RM130.00; manakala untuk Bazar Sekinchan, Sabak, Parit Baru & pekan kecil lain adalah sebanyak RM120.00 atau RM150.00 - mengikut kategori).</p> <p>Pemberian nombor tapak mengikut turutan nombor petak dalam pelan tapak bazar mengikut kawasan.</p> <p>Sila hadir mengikut tarikh & masa yang ditetapkan. Bagi yang terlepas panggilan nombor giliran, nombor tapak niaga akan diberi kemudian tertakluk kepada kekosongan tapak niaga.</p>

PERINGATAN:

- (i) Saiz tapak niaga bazar Ramadan adalah 3m x 3m (10' x 10') seunit petak. Waktu perniagaan adalah dari 3:00 petang hingga 9:00 malam.
- (ii) Khemah atau payung disediakan sendiri oleh peniaga. MDSB tidak menyediakan khemah atau payung untuk semua tapak Bazar Ramadan.

- (iii) Untuk tapak Bazar Ramadan, Sungai Besar, khemah atau payung dan gerai atau perkakasan hendaklah dikosongkan dari tapak setiap kali habis perniagaan; manakala untuk tapak bazar Sekinchan, Sabak & Parit Baru, khemah atau payung dibenarkan ditinggalkan di tapak dalam keadaan kemas dan selamat dari ancaman haiwan dan makhluk perosak.
- (iv) Wang cagaran boleh dilucut hak jika terdapat pelanggaran syarat. Tuntutan cagaran boleh dikemukakan sebulan selepas Bazar Ramadan berakhir.